

baik dan umumnya mereka itu orang yang baik dan tidak suka mengadakan rusuhan, memikirkan dan menghalusi supaya jangan ada timbul perasaan bahawa mereka seakan-akan dituduh orang yang sentiasa, kalau mendapat peluang, akan merosakkan keamanan.

\* \* \*

### **Tun Dr. Ismail**

Tun Dr. Ismail yang memegang banyak jawatan dalam masa empat belas tahun dalam Jemaah Menteri Kerajaan Perikatan yang pada masa akhirnya menjadi Menteri Hal Ehwal dalam negeri, telah mengundurkan diri daripada Jemaah Menteri itu dengan alasan “kesihatan” iaitu alasan-alasan yang lazim terjadi bagi ahli-ahli Jemaah Menteri sesebuah negara jika timbul sesuatu yang tidak bersesuaian di antara mereka sesama mereka tentang dasar-dasar yang dijalankan.

Perkara ini mungkin boleh jadi beliau terpaksa meletakkan jawatan kerana ada sesuatu sebab yang lain, daripada sebab-sebab kesihatan, kerana yang demikian ini dapat diperhatikan orang daripada kata beliau sendiri:

“Saya tidak rela menjadi seorang ahli kabinet jika bakat saya tidak dapat digunakan sepenuhnya-penuhnya bagi khidmat negara.”

Perkataan beliau ini tentunya menjadi pertanyaan dan menjadi suatu teka-teki yang boleh menimbulkan soal tentu ada sesuatu perkara yang tidak dapat memuaskan hati beliau di dalam menunaikan tugas itu.

Beliau adalah terkenal seorang yang jujur dan tegas menjalankan tugas – tidak memilih kasih dan bersifat penuh dengan sifat-sifat kebangsaan (kemelayuan) dan dengan kerana itu ada kemungkinan sesuatu perkara di dalam dasar-dasar Perikatan sekarang yang tidak

“sesuai” dengan bakat beliau yang menjadikan beliau tidak mahu memegang jawatan itu. Apakah bakat itu? Masa yang akan menerangkan dan menjelaskannya nanti.

\* \* \*

### **Peperangan Di Timur Tengah**

Sebahagian orang berasa terperanjat melihat bahawa dalam masa empat hari tentera Mesir yang didahului diserang oleh Israel telah lumpuh di Sinai. Bagi orang yang mengikuti sejarah perkembangan peperangan perkara yang demikian ini tidak menghairankan kerana peperangan jentera dengan sebentar angkatan tentera udara musuh boleh melumpuhkan lawannya dengan sekejap apabila ia memulai sesuatu peperangan.

Kelumpuhan tentera-tentera Arab tidak bermakna yang mereka menyerah kalah tetapi bencana yang empat hari itu belum lagi membinasakan dan merosakkan ekonomi dan taraf politik negara-negara Arab dan dengan kerana itu, bermaknalah perjuangan masih berlanjutan lagi dan ada harapan bahawa sesudah pemberhentian tembak sementara ini negara-negara Arab dan Islam akan bersatu menguatkan dirinya bagi memburu Israel keluar daripada kawasan dan tanah air mereka.

Tidakkah Tuhan telah memberi nikmat kepada umat Arab dan Islam bahawa di negeri mereka yang kering kontang itu di buminya didapati minyak dan benda galian yang sedang dibongkar bagi menguatkan diri mereka menghadapi Israel kelak dengan sepenuhnya.

Sungguhpun negara Arab lemah dalam persenjataannya tetapi sebahagian besar daripada mereka kuat dalam ekonominya dan dunia-dunia imperialis Barat tentu akan mengetahui kelak betapa kesulitan mereka akan hadapi kerana mereka membantu menegakkan negara Israel di bumi orang-orang Arab. Permainan yang dilakukan

oleh orang yang bukan Arab kadang-kadang mentertawakan. Umpamanya ada orang Australia menganjurkan setengah juta orang Arab dipindahkan ke Australia tetapi mereka tidak mahu memindahkan orang Yahudi atau Israel ke Australia atau ke Kanada iaitu orang kasih sayang kepada Israel itu sendiri.

Sama-samalah kita lihat nanti apabila Allah telah membukakan hati umat Arab melagang perpaduan dan persatuan umat Islam untuk patuh kepada perintahnya dan menjauhkan diri daripada musuh-musuh Islam dengan yakin kepada diri sendiri. Dengan bersatu dan tolong-menolong di antara sesama Islam itulah sahaja umat Arab dan kaum Muslimin akan mengeluarkan dari tanah airnya sebuah negara haram yang ditaja oleh imperialis-imperialis Inggeris dan Amerika di tanah orang Arab yang tidak meredainya.

---

### **Kata-kata Hikmah**

Tidak ada kebaikan bagi sesuatu kebaikan yang sesudahnya ada neraka, dan tidak ada kejahatan bagi sesuatu kejahatan yang sesudahnya ada syurga

\*

Barang siapa merasa bagus dengan fikirannya, maka sesatlah ia, dan barang siapa merasa cukup dengan ilmunya tergelincirlah ia.

\*

Barangsiapa yang banyak cakupnya, maka banyaklah kesalahannya, dan barang siapa yang banyak berfikir maka ia sentiasa melihat.